

KAJIAN KESIMPULAN DAN TINDAKAN DALAM
PENYELIDIKAN TENTANG PERILAKU DENGAN
MENDUNGKAN ANALISIS FAKTOR: HANNAH KES
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

NOOR FARAHANA BT. MD. AMIN

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2009

fn: 7521

1100076411



LP 12 FST 3 2009



1100076414

Mengenalpasti faktor-faktor dalam pemilihan destinasi
pelancongan dengan pendekatan analisis faktor : kajian kes UMT
/ Noor Farahana Md. Amin.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21020 KUALA TERENGGANU

1100076411		

Lihat sebelah

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

MENGENALPASTI FAKTOR-FAKTOR DALAM PEMILIHAN DESTINASI
PELANCONGAN DENGAN PENDEKATAN ANALISIS FAKTOR:
KAJIAN KES UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Oleh
Noor Farahana Bt. Md. Amin

Projek Ilmiah Tahun Akhir ini diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)

JABATAN MATEMATIK
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2009

1100076414



**JABATAN MATEMATIK
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT 4499 B

Adalah ini diakui dan disahkan bahawa laporan penyelidikan bertajuk Mengenalpasti Faktor-Faktor Dalam Pemilihan Destinasi Pelancongan Dengan Pendekatan Analisis Faktor: Kajian Kes Universiti Malaysia Terengganu oleh Noor Farahana Bt. Md. Amin. No. Matriks: UK 13244 telah diperiksa dan semua pembetulan yang disarankan telah dilakukan. Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Matematik sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik Komputasi, Fakulti Sains dan Teknologi, UMT.

Disahkan oleh:

Penyelia Utama **DR. SABRI BIN AHMAD**
Pensyarah
Nama: **Jabatan Matematik**
Fakulti Sains dan Teknologi
Cop Rasmi: **Universiti Malaysia Terengganu**
21030 Kuala Terengganu

Tarikh: 3/5/2009

Ketua Jabatan Matematik
Nama: **DR. HJ. MUSTAFA BIN MAMAT**
Ketua
Cop Rasmi: **Jabatan Matematik**
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu

Tarikh: 4/5/2009

PENGAKUAN

Saya mengakui Projek Ilmiah Tahun Akhir yang bertajuk Mengenalpasti Faktor-Faktor Dalam Pemilihan Destinasi Pelancongan Dengan Pendekatan Analisis Faktor: Kajian Kes Universiti Malaysia Terengganu adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : 

Nama : Noor Farahana Bt. Md. Amin

No. Matriks : UK 13244

Tarikh : 4 Mei 2009

PENGHARGAAN

Assalammualaikum w.b.t

Bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana dengan izinNya saya dapat menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) yang bertajuk ‘Mengenalpasti faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan dengan pendekatan Analisis Faktor: Kajian Kes Universiti Malaysia Terengganu’ dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Sabri Bin Ahmad selaku penyelia projek saya yang telah banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan laporan projek ini. Segala idea-idea dan cadangan yang diberikan telah banyak membantu saya dalam menyiapkan laporan projek ini dengan lebih baik. Terima kasih juga saya ucapkan kepada sahabat saya, Nurul Jannah Binti Jamaludin dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi sokongan ketika saya menghadapi kesulitan dalam menyiapkan laporan projek ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan kepada ayah, Md Amin B. Mashor dan mama, Hamidah Bt. Anan serta adik-adik yang sentiasa memberi sokongan moral dan sumbangan idea-idea dalam menyiapkan laporan projek ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) khususnya yang telah memberi kerjasama dan meluangkan masa untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan bagi menyiapkan projek ini.

Sekian, terima kasih.

MENGENALPASTI FAKTOR-FAKTOR DALAM PEMILIHAN DESTINASI PELANCONGAN DENGAN PENDEKATAN ANALISIS FAKTOR: KAJIAN KES UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sampel kajian adalah terdiri daripada 360 orang responden yang merupakan pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang dipilih secara rawak dan seimbang mengikut jantina, fakulti, bangsa dan tahun pengajian. Data kajian diperolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Kajian ini menggunakan kaedah Analisis Faktor untuk mengenalpasti faktor utama dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT. Antara faktor-faktor pemilihan destinasi pelancongan ialah faktor geografi, faktor keselamatan, faktor promosi dan faktor perbelanjaan.

**DETERMINING FACTORS IN CHOOSING TOURISM DESTINATION USING
FACTOR ANALYSIS: CASE RESEARCH UNIVERSITY MALAYSIA
TERENGGANU**

ABSTRACT

This research is to determining factors in choosing tourism destination of UMT students. The samples are taken from 360 respondents who are UMT's student which randomly select through sex, faculty, race and year of study. Data for this research will get from distribution questionnaires to respondents. This research will use Factor Analysis method to determine the major factor in choosing tourism destination of UMT students. There are several factors in choosing tourism destination such as safety factor, promotion factor and expenses factor.

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	i
BORANG PENGAKUAN DAN PENGESAHAN PITA PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Kepentingan Kajian	4
1.5 Batasan Kajian	5
1.6 Kesimpulan	6
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Pelancongan	7
2.3 Analisis Faktor	8
2.4 Kajian Lepas Menggunakan Analisis Faktor	10
2.5 Kajian Lepas Berkaitan Pelancongan	12
2.6 Kesimpulan	14
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	15
3.2 Sampel dan Kawasan Kajian	15
3.3 Instrumen Kajian	16
3.4 Teori Analisis Faktor	17
3.5 Penganalisaan Data	18
3.6 Prosedur Analisis	20
3.7 Analisis Data Menggunakan SPSS	23
3.8 Kesimpulan	23

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
	4.1 Pengenalan	24
	4.2 Demografi Responden	24
	4.3 Pemilihan Destinasi Pelancongan	26
	4.4 Matrik Korelasi	30
	4.5 Ujian KMO dan Bartlett	30
	4.6 Komunaliti	30
	4.7 Pengekstrakkan Faktor	31
	4.8 Plot <i>Scree</i>	32
	4.9 Matrik Komponen	32
	4.10 Matrik Komponen Putaran	32
	4.11 Perbincangan	34
	4.12 Kesimpulan	37
BAB 5	KESIMPULAN	
	5.1 Pengenalan	38
	5.2 Rumusan Kajian	38
	5.3 Cadangan	41
	5.4 Kesimpulan	42
	RUJUKAN	43
	LAMPIRAN	46
	BIODATA PENULIS	

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
4.1	Taburan kekerapan berdasarkan Jantina responden	24
4.2	Taburan kekerapan berdasarkan Fakulti responden	25
4.3	Taburan kekerapan berdasarkan Tahun Pengajian responden	25
4.4	Taburan kekerapan berdasarkan Bangsa responden	25
4.5	Taburan kekerapan berdasarkan Pengalaman Melancong Responden	26
4.6	Taburan kekerapan berdasarkan Jenis Pengangkutan yang dipilih oleh responden	26
4.7	Taburan kekerapan berdasarkan Tempat Pelancongan yang digemari Responden	27
4.8	Taburan kekerapan berdasarkan ciri-ciri utama pemilihan destinasi pelancongan oleh responden	27
4.9	Taburan kekerapan berdasarkan pihak yang mempengaruhi responden dalam pemilihan destinasi pelancongan	28
4.10	Taburan kekerapan berdasarkan faktor-faktor utama pemilihan destinasi pelancongan oleh responden	28
4.11	Taburan kekerapan berdasarkan sumber responden mendapatkan maklumat tentang suatu destinasi pelancongan	29
4.12	Taburan kekerapan berdasarkan pendapat responden untuk mengutamakan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka	29
4.13	Ujian KMO dan Bartlett	30
4.14	Komunaliti	Lampiran 1
4.15	Jumlah Varians	Lampiran 2
4.16	Matrik Komponen	Lampiran 3
4.17	Matrik Komponen Putaran	Lampiran 4
4.18	Komponen dan item yang terpilih	33

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
4.1 Graf nilai eigen melawan bilangan komponen	32

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Borang Soal Selidik	47
B	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	53
C	Output SPSS	
	Lampiran 1 : Komunaliti	55
	Lampiran 2 : Jumlah Varians	58
	Lampiran 3 : Matrik Komponen	59
	Lampiran 4 : Matrik Komponen Putaran	62

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Program Tahun Melawat Malaysia diadakan adalah untuk menyeru kepada semua rakyat Malaysia supaya melancong di dalam negara. Ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan tahap ekonomi negara kerana sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang menjana ekonomi negara. Program ini juga bertujuan ingin memperkenalkan Malaysia kepada pelancong-pelancong asing yang hanya sekadar mengenali Malaysia di atas peta dunia sahaja.

Malaysia merupakan salah satu destinasi pelancongan yang dikenali di seluruh dunia. Ini kerana Malaysia mempunyai pelbagai kawasan pelancongan yang menjadi tarikan pengunjung sama ada dari dalam ataupun luar negara. Antaranya, Malaysia mempunyai banyak pulau yang menarik dan cantik yang boleh dikunjungi seperti Pulau Kapas, Pulau Redang, Pulau Perhentian dan sebagainya. Pulau-pulau ini mempunyai keistimewaan dan kecantikan yang tersendiri yang perlu diterokai oleh semua rakyat Malaysia khususnya. Selain itu juga, Malaysia yang kaya dengan hasil tinggalan sejarah turut menjadi tarikan kepada pengunjung-pengunjung. Contohnya, Melaka Bandaraya

Bersejarah yang menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong yang ingin melihat tinggalan sejarah yang terdapat di Melaka seperti Telaga Hang Li Po dan Kota A'Famosa.

Secara keseluruhannya, pelancongan boleh ditakrifkan sekurang-kurangnya daripada 6 sudut, iaitu ekonomi, teknikal, pengalaman, psikologi, perubatan dan komunikasi. Daripada sudut ekonomi, pelancongan adalah pembelajaran tentang permintaan dan pemberian, penginapan dan perkhidmatan untuk seseorang yang menetap jauh dari tempat tinggal serta perbelanjaan yang dikeluarkan dan pendapatan yang diperolehi. Daripada aspek pengalaman pula, pelancongan dapat ditakrifkan sebagai kebaikan yang diperolehi apabila merasai pengalaman di tempat baru dan suasana baru dalam tempoh masa yang sementara, di samping dapat bebas daripada tekanan kerja dan kehidupan seharian yang biasa (Nielsen, 2001). Mengikut Organisasi Pelancongan Dunia (*World Tourism Organization*), pelancong adalah seseorang yang mengembara dan menetap di sesuatu tempat lain untuk suatu jangka masa yang tidak lebih dari setahun untuk bercuti, perniagaan dan tujuan lain selain daripada aktiviti yang menguntungkan yang boleh diperolehi daripada tempat yang dilawati (Wikipedia, 2008).

1.1 Pernyataan Masalah

Pelancongan merupakan salah satu sumber kewangan negara. Sektor pelancongan adalah antara sektor yang boleh menjana ekonomi negara. Oleh sebab itu pelbagai usaha dan cara telah dijalankan untuk meningkatkan sektor pelancongan di Malaysia. Antaranya ialah Program Tahun Melawat Malaysia, Citrawarna Malaysia, Pesta Makanan Malaysia dan sebagainya. Usaha-usaha ini diadakan adalah untuk memperkenalkan Malaysia kepada pelancong-pelancong dari seluruh dunia secara tidak langsung. Ini akan mendorong keinginan pelancong-pelancong luar negara untuk melancong di Malaysia sekaligus dapat meningkatkan pendapatan negara.

Walaupun pelbagai usaha yang telah dijalankan untuk menarik perhatian pelancong-pelancong dari seluruh dunia, rakyat Malaysia turut disarankan untuk bercuti di dalam negara sebagai salah satu langkah untuk menjana ekonomi negara. Sebagai rakyat Malaysia kita harus mengenali negara kita dengan cara melawat ke tempat-tempat bersejarah yang terdapat di Malaysia ataupun melancong di dalam negara. Ini sekaligus dapat membantu usaha kerajaan untuk memperkenalkan Malaysia ke serata dunia. Bayangkan jika seseorang rakyat Malaysia itu tidak mengenali Negara Malaysia, bagaimana dia mahu memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Sekiranya rakyat Malaysia itu mengenali Malaysia, mereka boleh menceritakan pelbagai tempat pelancongan yang terdapat di Malaysia kepada pelancong-pelancong daripada serata pelosok dunia.

Walau bagaimanapun majoriti rakyat Malaysia lebih selesa untuk bercuti di luar negara kerana mereka beranggapan suasana yang berbeza dapat dinikmati di luar negara. Oleh sebab itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan rakyat Malaysia khususnya pelajar-pelajar UMT. Kajian ini penting untuk mengetahui faktor-faktor yang diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam pemilihan destinasi pelancongan mereka. Mengikut pemerhatian dan pendapat-pendapat, antara faktor-faktor yang diambil kira dalam pemilihan destinasi pelancongan ialah faktor perbelanjaan, faktor promosi, faktor kemudahan, faktor geografi dan sebagainya. Faktor-faktor ini adalah aspek yang akan dikaji dalam kajian ini. Jadi, apakah faktor utama yang diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menentukan destinasi pelancongan mereka? Oleh sebab tidak banyak kajian mengenai faktor-faktor tersebut, maka satu kajian akan dijalankan di kalangan pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Pengkajian mengenai faktor yang paling utama pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT akan ditentukan dengan menggunakan kaedah Analisis Faktor.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a. Mengkaji faktor-faktor dalam menentukan pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT.
- b. Menentukan faktor yang paling utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT .

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mengenalpasti faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT. Hasil yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan ini diharap dapat digunakan untuk meningkatkan lagi usaha kerajaan khususnya dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka di dunia. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat digunakan sebagai idea-idea baru untuk meningkatkan sektor pelancongan negara.

Dalam kajian ini diharap para pembaca akan lebih memahami fungsi Analisis Faktor dalam mencapai objektif kajian dan mengambil bahagian dalam kajian dengan mengisi borang soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini dengan jujur bagi memperoleh data untuk dianalisis. Selain itu, diharap hasil kajian dapat digunakan oleh penyelidik-penyelidik lain pada masa akan datang dengan menggunakan pendekatan yang berbeza dalam mencapai objektif yang sama.

Dalam kajian ini, perkara utama yang perlu dilaksanakan ialah pembinaan instrumen berdasarkan instrumen-instrumen daripada kajian-kajian yang dilaksanakan yang bersesuaian di luar negara serta rujukan daripada buku dan jurnal. Pembinaan ini disesuaikan mengikut suasana di Malaysia. Instrumen yang disediakan digunakan untuk

mengenalpasti faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT khususnya di Malaysia.

Dengan terlaksananya kajian ini dapat membantu kerajaan untuk mengenalpasti faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan rakyat Malaysia khususnya pelajar-pelajar UMT seterusnya dapat mencetuskan idea-idea yang baru agar sektor pelancongan dapat ditingkatkan.

1.4 Batasan Kajian

Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), sampel yang diambil adalah seramai 360 orang responden. Ini bersesuaian dengan populasi pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) iaitu seramai 5,000 orang pelajar. Oleh itu, kajian ini difokuskan kepada 360 orang responden yang merupakan pelajar-pelajar IPT khususnya pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang terdiri daripada 4 buah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), Fakulti Sains & Teknologi (FST), Fakulti Maritim & Sains Marin (FMSM) dan Fakulti Agroteknologi & Sains Makanan (FASM). Setiap responden perlu melengkapkan satu borang soal selidik yang diedarkan. Keputusan untuk kajian ini hanya sesuai digunakan di Malaysia sahaja kerana soalan-soalan dari borang soal selidik tersebut adalah berdasarkan suasana di Malaysia.

Kajian ini menggunakan kaedah Analisis Faktor yang terkandung dalam bidang pembolehubah pelbagai. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 11.5 (*Statistic Package For The Social Science. Version 11.5*).

1.5 Kesimpulan

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang penting. Ini kerana sektor ini dapat menjana ekonomi negara. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilakukan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT.

Kajian untuk mengetahui faktor utama yang diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT ini penting sebagai membantu usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka di dunia. Daripada kajian ini, diharapkan faktor-faktor yang dikaji boleh dijadikan sebagai idea-idea untuk menarik perhatian pelancong-pelancong sama ada daripada dalam atau luar negara. Sekaligus, menjadikan Malaysia terkenal sebagai destinasi pelancongan.

Secara keseluruhannya dalam bab ini telah dibincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Diharapkan di akhir kajian ini, objektif kajian dapat dicapai dan dapat digunakan sebagai idea-idea baru yang boleh digunakan dalam sektor pelancongan Malaysia khususnya.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab sorotan kajian ini akan membincangkan apakah yang dikatakan sebagai pelancongan daripada pelbagai sudut, usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan, kepentingan pelancongan dan kesan-kesan aktiviti pelancongan ke atas alam sekitar. Di samping itu, dalam bab ini juga turut membincangkan tentang kegunaan Analisis Faktor dan kajian-kajian lepas yang berkaitan pelancongan serta kajian-kajian lepas yang menggunakan Analisis Faktor.

2.2 Pelancongan

Mengikut teori pelancongan, pelancongan boleh ditakrifkan daripada 6 sudut, iaitu ekonomi, teknikal, pengalaman, psikologi, perubahan dan komunikasi. Daripada sudut ekonomi, pelancongan didefinisikan sebagai pembelajaran tentang permintaan dan pemberian, penginapan dan perkhidmatan untuk seseorang yang menetap jauh dari tempat tinggal serta perbelanjaan yang dikeluarkan dan pendapatan yang diperolehi. Daripada aspek teknikal pula, pelancongan ialah suatu perhubungan perniagaan yang luas dan kompleks berkaitan penginapan, pengangkutan, makanan dan hiburan untuk pelancong. Kebaikan yang diperolehi apabila merasai pengalaman di tempat baru dan suasana baru dalam tempoh masa yang sementara serta bebas daripada tekanan kerja dan kehidupan

seharian yang rutin adalah apa yang dikatakan sebagai pelancongan daripada sudut pengalaman (Nielsen, 2001).

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan industri pelancongan di Malaysia seperti memperbanyakkan kawasan pelancongan, membina lebih banyak hotel yang bertaraf lima bintang, pemuliharaan kawasan-kawasan bersejarah, menambah lesen agensi pelancongan, memberi pengurangan cukai kepada syarikat pelancongan dan mengadakan kedai bebas cukai. Usaha-usaha yang berterusan ini dilaksanakan sebagai langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka di dunia.

Selain dapat menjana ekonomi negara, aktiviti pelancongan turut dapat memajukan bandar-bandar pelancongan seperti Melaka dan Pulau Langkawi. Di samping itu juga, aktiviti pelancongan dapat mewujudkan peluang pekerjaan untuk penduduk di sekitarnya serta menggalakkan industri kraftangan. Walau bagaimanapun, aktiviti pelancongan ini turut memberi kesan ke atas alam sekitar sekiranya kawasan-kawasan pelancongan tidak dikawal selia dengan betul. Antara kesan-kesan ke atas alam sekitar ialah kepupusan hidupan flora dan fauna, kemusnahan kawasan tadahan hujan, pencemaran sungai dan pantai serta kepupusan terumbu karang kerana dijadikan cenderamata.

2.3 Analisis Faktor

Analisis Faktor adalah kaedah statistik yang digunakan untuk menerangkan kepelbagaian pembolehubah yang dikaji daripada pembolehubah yang tidak dikaji yang dikenali sebagai faktor. Pembolehubah yang dikaji adalah suatu kombinasi linear faktor-faktor.

Analisis Faktor telah digunakan oleh seorang ahli psikologi, Charles Spearman untuk membuat hipotesis tentang pelbagai ujian kebolehan mental seseorang. Ujian ini dijalankan berdasarkan kemahiran matematik, kosa kata, kemahiran lisan, kemahiran artistik dan sebagainya. Analisis Faktor juga telah digunakan dalam politik untuk mengenalpasti sifat yang paling penting dalam mengklasifikasikan rakyat daripada berbagai-bagai bidang politik dan sosioekonomi (Rummel, 1979). Dalam bidang ekonomi, Analisis Faktor pernah digunakan untuk mengkaji tabiat pelanggan, menamakan taraf hidup pengguna yang ada dan tabiat pengguna melakukan kebajikan (Schokkaert & Van Ootegem, 1990).

Secara ringkasnya, Analisis Faktor digunakan untuk mengurangkan jumlah pembolehubah daripada jumlah yang besar. Pembolehubah yang mempunyai ciri-ciri yang sama akan dihipunkan ke dalam satu kumpulan. Dengan Analisis Faktor, kita boleh menghasilkan jumlah faktor yang lebih sedikit daripada yang sebelumnya. Ini dapat menerangkan varians pembolehubah yang dikaji dalam jumlah pembolehubah yang besar.

Terdapat 3 langkah di dalam prosedur Analisis Faktor iaitu, langkah pertama ialah penghasilan matriks korelasi untuk mengenalpasti kejituan model Analisis Faktor. Langkah yang kedua ialah pengeluaran faktor daripada matriks korelasi untuk mengenalpasti bilangan faktor yang diperlukan berdasarkan data yang diperoleh. Dan langkah yang terakhir ialah putaran. Terdapat 2 putaran iaitu, ortogonal (faktor tidak berkorelasi antara satu sama lain) dan serong (faktor-faktor berkorelasi antara satu sama lain).

Analisis Faktor boleh digunakan dalam 2 cara iaitu, sebagai teknik meninjau (*exploratory*) untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah nyata dengan faktor tanpa membuat sebarang andaian awal. Cara yang kedua ialah sebagai suatu teknik untuk

menguji struktur faktor khusus bagi setiap pembolehubah nyata. Teori Analisis Faktor ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab seterusnya.

2.4 Kajian-kajian Lepas Menggunakan Analisis Faktor

Ruhizan *et al.* (2001) telah membuat kajian untuk mengenalpasti proses kognitif dan strategi pembelajaran yang digunakan pelajar-pelajar tahun 2 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Seramai 118 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang cemerlang dan tidak cemerlang berdasarkan purata gred kumulatif mereka. Hasil daripada kaedah Analisis Faktor, 4 faktor utama (strategi) telah dikenalpasti iaitu motivasi pencapaian, pembelajaran operasional, hafalan dan pendekatan global. Di akhir kajian ini didapati pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian rendah lebih cenderung kepada orientasi pencapaian, penghasilan semula, pembinaan makna, pembelajaran pemahaman dan pembelajaran operasional berbanding pelajar-pelajar berpencapaian tinggi.

Noraisikin & Hashim (2007) telah menjalankan kajian tentang komponen kecekapan guru Bahasa Melayu (B.M) sebagai pemimpin pengajaran. Kajian ini menggunakan 5 komponen kecekapan iaitu kualiti peribadi, pengetahuan, amalan pengajaran, kepemimpinan organisasi dan amalan refleksi-penyelesaian masalah. Sampel adalah terdiri daripada guru-guru B.M di sekolah menengah harian di Daerah Kerian, Perak. Pengumpulan maklumat adalah menggunakan alat soal selidik. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik Analisis Faktor. Analisis Faktor pengesahan juga turut digunakan untuk mengesahkan model kecekapan guru yang dikaji. Dapatan kajian ini menunjukkan kualiti peribadi merupakan komponen kecekapan yang paling utama.

Tsang (2007) telah membuat kajian tentang tahap perkhidmatan dan budaya berkhidmat dalam industri pelancongan. Dalam kajian ini sampel adalah seramai 790

orang yang merupakan pekerja-pekerja bahagian perkhidmatan yang dipilih daripada empat sektor dalam industri pelancongan di Hong Kong. 4 sektor itu adalah hotel, agen pelancongan, catering dan tarikan. Soal selidik dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti skala budaya berkhidmat (SERVCUL) dan nilai budaya Cina terhadap perkhidmatan yang dielakkan. Hasil daripada Analisis Faktor, lima komponen yang mempengaruhi sikap pekerja-pekerja bahagian perkhidmatan adalah sikap terhadap kerja, sikap terhadap pelanggan, disiplin, perhubungan dan kesederhanaan.

Wu (2006) telah mengkaji hubungan antara keputusan pekerja-pekerja profesional terhadap penglibatan mereka dalam program peringkat sarjana di Taiwan. Seramai 800 orang responden yang terdiri daripada pekerja-pekerja profesional yang menyertai program peringkat sarjana di 22 universiti di Taiwan telah disoal selidik. Program ini telah diadakan pada bulan Mei 2004. Hasil daripada kaedah Analisis Faktor, terdapat 4 faktor penglibatan mereka dalam program tersebut iaitu pembangunan profesional, perkhidmatan profesional, kebaikan yang akan diperolehi dan tarikan daripada universiti-universiti yang mengadakan program itu.

Nurhidayati (2008) telah membuat kajian tentang tahap tekanan yang dialami warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan Bedong. Antara faktor-faktor yang menyebabkan tekanan adalah sokongan sosial, kemurungan, kesunyian, kematian, penghargaan sendiri dan kesihatan. Seramai 23 orang responden yang terdiri daripada penghuni-penghuni di Rumah Seri Kenangan Bedong telah disoal selidik melalui kaedah temu bual. Di akhir kajian ini didapati bahawa faktor-faktor yang menyebabkan tekanan adalah kerana faktor kesihatan dan kehidupan yang membosankan. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti tahap tekanan emosi warga tua terhadap kematian iaitu pada tahap rendah dan sederhana.

2.5 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pelancongan

Norzalita (2000) telah membuat kajian untuk mengenalpasti ciri-ciri demografi pengguna internet tempatan, maklumat keperluan pelancong serta ciri-ciri utama laman web pelancongan. Sampel kajian adalah seramai 120 orang responden yang terdiri daripada pekerja swasta dan awam yang mempunyai pendedahan dalam penggunaan internet di sekitar Lembah Klang. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna internet berumur 20 - 35 tahun, berpendidikan tinggi serta berpendapatan bulanan RM 3000 - RM 5000 mempunyai tanggapan positif terhadap laman web pelancongan. Maklumat penting yang paling dikehendaki ialah lokasi dan penginapan. Ciri-ciri laman web pula perlu mengandungi gambar sebenar dan paparan video beranimasi.

Rut (2006) telah menjalankan kajian untuk menilai tahap kepuasan pelancong terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Muzium Sabah. Dalam kajian ini menekankan bahawa pihak muzium mesti melihat kepuasan pengunjung sebagai teras kepada segala aktiviti dalaman dan luaran mereka agar kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Seramai 150 orang responden telah disoal selidik untuk mendapat maklum balas mereka terhadap kualiti Muzium Sabah yang telah sedia ada. Hasil kajian menunjukkan seramai 14% yang merupakan pelawat asing dari Taiwan dan Eropah berpuas hati dengan lawatan mereka di Muzium Sabah. Daripada kajian ini juga, terdapat segelintir pelawat yang tidak berpuas hati terhadap kafeteria muzium yang dikatakan tidak bersih dan mencatatkan pandangan.

Nurul Iswani (2006) telah membuat kajian untuk menilai persepsi pelancong terhadap keselamatan di kawasan ekopelancongan iaitu Taman Negara, Pahang. Aspek keselamatan yang dikaji merangkumi ketika bersiar-siar di siang hari, melakukan aktiviti, menggunakan pengangkutan ke Taman Negara, menggunakan kemudahan yang disediakan dan berjalan di waktu malam. Hasil kajian menunjukkan pelancong-pelancong

berasa tidak selamat ketika mereka berjalan keluar pada waktu malam dan melakukan aktiviti berkayak. Selain itu juga faktor umur, mod lawatan dan kekerapan mengunjungi Taman Negara adalah berkait rapat dengan persepsi mereka terhadap keselamatan mereka di Taman Negara.

Kwon (2008) telah mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap penduduk setempat terhadap pemasaran pelancongan sebagai strategi pembangunan. Pemasaran dan promosi pelancongan telah mendapat pujian dan kritikan sebagai strategi pembangunan untuk kebaikan (mempelbagaikan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan) dan keburukan (merosakkan alam semulajadi dan tempat sejarah yang menarik) untuk masyarakat. Data diperolehi daripada soal selidik melalui laman web yang melibatkan beberapa negara dengan tahap pembangunan pelancongan yang berbeza. Hasil kajian mendapati antara faktor-faktor yang mempengaruhi sikap penduduk setempat terhadap pemasaran pelancongan sebagai strategi pembangunan ialah kepercayaan, pengalaman, penglibatan, pengetahuan mengenai pelancongan, keuntungan yang diperolehi dan sikap kemasyarakatan.

Larson (2008) telah membuat kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pelancong-pelancong Jepun melancong ke Hawaii dengan pendekatan Analisis Makroekonomi. Kajian ini juga dijalankan untuk memahami berdasarkan punca pelancong-pelancong Jepun melancong ke Hawaii iaitu kajian akademik dan perancang pelancongan tempatan. Hasil kajian mendapati 4 faktor yang mempengaruhi pelancong-pelancong Jepun melancong ke Hawaii ialah analisis kepelbagaian punca yang lain, pertukaran wang Jepun-US, pertukaran harga dan harga.

Ahmad Azmi (1999) telah mengkaji faktor motivasi dwi-dimensi “Tolakan-Tarikan” di kalangan para pelancong golongan eksekutif muda untuk melancong ke pulau-pulau peranginan yang terdapat di Malaysia. Seramai 160 orang responden yang

terdiri daripada eksekutif di sektor kerajaan dan swasta telah disoal selidik. Dalam kajian ini faktor “tolakan” adalah seperti faktor kerehatan, pengetahuan dan pengalaman. Manakala faktor “tarikan” adalah persekitaran semulajadi, keselesaan dan kemudahan rekreasi. Hasil kajian mendapati bahawa eksekutif kerajaan lebih mementingkan faktor pengetahuan dan pengalaman berbanding eksekutif swasta yang lebih mementingkan faktor kerehatan. Bagi faktor “tarikan” pula, eksekutif kerajaan lebih menitikberatkan aspek persekitaran semulajadi manakala eksekutif swasta lebih mengutamakan aspek keselesaan dalam percutian mereka.

2.6 Kesimpulan

Analisis Faktor merupakan suatu teknik pengurangan data yang digunakan untuk mengurangkan pembolehubah yang banyak kepada jumlah yang lebih kecil berdasarkan maklumat penting pembolehubah tersebut. Analisis Faktor boleh digunakan dalam 2 cara iaitu, sebagai teknik meninjau dan teknik untuk menguji faktor struktur yang khas.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, Analisis Faktor turut digunakan dalam bidang sains sosial, sains kimia, psikologi dan sebagainya. Selain daripada itu, kajian-kajian yang berkaitan dengan pelancongan lebih banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dari luar negara. Hasil daripada kajian-kajian yang lepas diharapkan dapat membantu dalam membina instrumen kajian yang bersesuaian dengan keadaan di Malaysia untuk digunakan dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, dalam bab ini telah membincangkan pelancongan daripada beberapa sudut, usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan, kesan-kesan ke atas alam sekitar akibat aktiviti pelancongan. Di samping itu, bab ini turut membincangkan penggunaan Analisis Faktor, kajian lepas menggunakan Analisis Faktor serta kajian lepas yang berkaitan dengan pelancongan.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan membincangkan teori kaedah kajian yang digunakan, sampel dan kawasan kajian, instrumen kajian yang digunakan, prosedur analisis dan perisian yang digunakan untuk mengira data yang diperolehi.

3.2 Sampel dan Kawasan Kajian

Dalam kajian ini, sampel data diperolehi daripada lebih kurang 360 orang responden yang merupakan pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang dipilih secara rawak daripada 4 fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), Fakulti Sains & Teknologi (FST), Fakulti Agroteknologi & Sains Makanan (FASM) dan Fakulti Maritim & Sains Marin (FMSM). Kuantiti sampel yang ramai adalah supaya keputusan yang diperolehi nanti adalah lebih jitu dan tepat.

Terdapat banyak cara dalam menentukan saiz sampel yang diperlukan dalam Analisis Faktor. Pedhazur & Schmelkin (1991) mencadangkan agar 500 pemerhatian untuk satu-satu faktor. Comrey & Lee (1992) pula berpendapat saiz sampel 50 sebagai sangat lemah, 100 sebagai lemah, 200 sebagai sederhana, 300 sebagai bagus, 500 sebagai

sangat bagus dan 1,000 sebagai cemerlang. Ada sumber menyatakan lebih banyak saiz sampel lebih mudah suatu faktor itu dikeluarkan.

Dalam kajian ini, penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Jadual penentuan saiz sampel ada disertakan di bahagian lampiran. Dianggarkan populasi pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) adalah seramai 5,000-6,000 orang pelajar. Oleh itu, sampel yang sepatutnya diambil adalah antara 357-361 orang responden. Menurut Cohen (1977), memilih satu sampel yang mewakili populasi adalah lebih baik daripada memilih satu sampel yang lebih besar tetapi *bias*, yang akhirnya akan memperoleh keputusan yang tidak benar. Oleh sebab itu, dalam kajian ini saiz sampel yang digunakan adalah seramai 360 orang responden.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dipilih sebagai kawasan kajian kerana pelajar-pelajar UMT turut dikategorikan sebagai individu yang terlibat secara tidak langsung dalam industri pelancongan dan pandangan mereka juga perlu diambil kira. Tambahan pula, pengkaji juga merupakan pelajar UMT dan ini akan memudahkan kajian ini dijalankan. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merupakan salah satu Institut Pengajian Tinggi Awam yang terdapat di Malaysia. UMT terletak di Kuala Terengganu, Terengganu. UMT mempunyai 4 fakulti iaitu Fakulti Sains & Teknologi (FST), Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), Fakulti Agroteknologi & Sains Makanan (FASM) dan Fakulti Maritim & Sains Marin (FMSM).

3.3 Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang digunakan untuk kajian kali ini sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian diedarkan kepada sampel kajian mengikut fakulti dan diharapkan sampel kajian dapat bekerjasama serta memberi maklum balas yang jujur.

Borang soal selidik disediakan melalui penterjemahan borang soal selidik yang terdapat di internet (*Web For Schools: Tourism Project*) dan jurnal (Persepsi Keselamatan Pelancong Di Kawasan EkoPelancongan Kajian Kes: Taman Negara, Pahang) serta disesuaikan dengan keadaan di Malaysia. Soalan-soalan yang terdapat pada borang soal selidik tersebut telah dibina sendiri oleh pengkaji dan dikategorikan mengikut faktor-faktor yang telah dikenalpasti iaitu faktor keselesaan dan keselamatan, faktor geografi, faktor harga, faktor kemudahan, faktor perbelanjaan dan faktor promosi.

Dalam borang soal selidik ini mengandungi satu siri pernyataan dan tahap kekerapan pernyataan itu. Skala untuk setiap pernyataan diwakilkan seperti berikut:

- i) Sangat tidak setuju (skor 1)
- ii) Tidak setuju (skor 2)
- iii) Tidak pasti (skor 3)
- iv) Setuju (skor 4)
- v) Sangat setuju (skor 5)

3.4 Teori Analisis Faktor

Model Analisis Faktor

Andaikan mempunyai beberapa pembolehubah nyata iaitu $x_1, x_2, x_3, \dots, x_p$, andaikan mempunyai pembolehubah yang tidak nyata iaitu, $f_1, f_2, f_3, \dots, f_k$, dengan $k < p$, maka model Analisis Faktor

$$\begin{aligned}
 x_1 &= \lambda_{11}f_1 + \lambda_{12}f_2 + \dots + \lambda_{1k}f_k + u_1 \\
 x_2 &= \lambda_{21}f_1 + \lambda_{22}f_2 + \dots + \lambda_{2k}f_k + u_2 \\
 &: \\
 &: \\
 x_p &= \lambda_{p1}f_1 + \lambda_{p2}f_2 + \dots + \lambda_{pk}f_k + u_k
 \end{aligned}
 \tag{3.0}$$

Persamaan (3.0) boleh dipermudahkan dan memperoleh

$$x = \lambda f + u,$$

dengan,

$$\lambda = \begin{pmatrix} \lambda_{11} & \dots & \lambda_{1k} \\ \vdots & \ddots & \vdots \\ \lambda_{p1} & \dots & \lambda_{pk} \end{pmatrix}, \quad f = \begin{pmatrix} f_1 \\ \vdots \\ f_k \end{pmatrix}, \quad u = \begin{pmatrix} u_1 \\ \vdots \\ u_k \end{pmatrix}.$$

iaitu,

x_1, x_2, \dots, x_p = pembolehubah nyata (diketahui)

λ_{pk} = pemalar pembolehubah muatan faktor ke- p dan ke- k

f_k = faktor ke- k

u_k = faktor khusus yang tidak berhubungkait dengan faktor lain (*residual*)

3.5 Penganalisaan Data

Pertimbangkan model umum bagi Analisis Faktor

$$x_i = \lambda_{i1}f_1 + \lambda_{i2}f_2 + \dots + \lambda_{ik}f_k + u_i \quad (3.1)$$

Daripada model umum (3.1) akan memberi varians bagi pembolehubah x_i ,

$$\sigma_i^2 = \sum_{j=1}^k \lambda_{ij}^2 + \varphi_i,$$

di mana, φ_i adalah varians bagi u_i .

Varians bagi pembolehubah nyata boleh dibahagikan kepada dua iaitu, komunaliti bagi x_i adalah

$$h_i^2 = \sum_{j=1}^k \lambda_{ij}^2$$

dan nilai khusus bagi x_i adalah φ_i .

Terdapat beberapa istilah penting yang digunakan dalam Analisis Faktor iaitu, matrik korelasi, matrik muatan, putaran ortogon, putaran serong, matrik bentuk dan matrik struktur.

Matrik korelasi terbahagi kepada dua iaitu matrik korelasi cerapan dan matrik korelasi dihasilkan. Matrik korelasi cerapan terhasil daripada cerapan pembolehubah-pembolehubah dan matrik korelasi dihasilkan terbentuk daripada faktor-faktor. Matrik muatan ialah matrik dengan korelasi antara setiap pembolehubah dicerap dengan setiap faktor.

Terdapat 2 jenis putaran iaitu, putaran ortogon dan putaran serong. Putaran ortogon bermaksud semua faktor tidak berkorelasi dan akan menghasilkan matrik muatan. Matrik muatan ini akan membentuk matrik struktur dan matrik bentuk. Matrik struktur ialah matrik dengan korelasi antara faktor dengan pembolehubah. Matrik bentuk pula ialah matrik dengan hubungan unik antara setiap faktor dengan setiap pembolehubah yang dicerap. Putaran serong berlaku apabila beberapa matrik tambahan dibentuk.

3.6 Prosedur Analisis

Bagi menyempurnakan Analisis Faktor, terdapat tiga fasa utama yang perlu dipenuhi. Langkah-langkah analisis komponen utama adalah seperti berikut:

- i. Mengandaikan pembolehubah x_1, x_2, \dots, x_p supaya minnya sifar dan variannya satu
- ii. Mengira matrik kovarians yang dikenali sebagai matrik korelasi
- iii. Mencari nilai eigen dan kesamaan vektor eigen
- iv. Abaikan komponen yang mempunyai nisbah kecil bagi varians

Fasa pertama: Mencari faktor muatan

Bagi mencari faktor muatan, analisis komponen utama digunakan dengan komponen utama yang mempunyai nilai eigen yang tinggi akan dipilih sebagai faktor tidak berputar. Contohnya, data mempunyai p pembolehubah dan setiap satunya mempunyai n nilai. Kaedah untuk mencari faktor putaran adalah:

$$\begin{aligned} z_1 &= b_{11}x_1 + b_{12}x_2 + \dots + b_{1p}x_p \\ z_2 &= b_{21}x_1 + b_{22}x_2 + \dots + b_{2p}x_p \\ &\vdots \\ z_p &= b_{p1}x_1 + b_{p2}x_2 + \dots + b_{pp}x_p \end{aligned} \tag{3.3}$$

dengan b_{ij} adalah unsur vektor eigen di dalam matrik korelasi.

Oleh kerana penterjemahan skor x kepada skor z adalah bersifat ortogonal, persamaan (3.3) menjadi

$$\begin{aligned} X_1 &= b_{11}z_1 + b_{21}z_2 + \dots + b_{p1}z_p \\ X_2 &= b_{12}z_1 + b_{22}z_2 + \dots + b_{p2}z_p \\ &\vdots \\ X_p &= b_{1p}z_1 + b_{2p}z_2 + \dots + b_{pp}z_p \end{aligned} \tag{3.4}$$

Dengan memilih k komponen utama. Persamaan (3.4) akan menjadi

$$\begin{aligned} X_1 &= b_{11}z_1 + b_{21}z_2 + \dots + b_{k1}z_k + e_1 \\ X_2 &= b_{12}z_1 + b_{22}z_2 + \dots + b_{k2}z_k + e_2 \\ &\vdots \\ X_p &= b_{1p}z_1 + b_{2p}z_2 + \dots + b_{kp}z_k + e_p \end{aligned} \quad (3.5)$$

dengan e_i adalah gabungan linear bagi komponen utama z_{k+1} sehingga z_p .

Komponen utama yang dipilih ditukarkan kepada faktor yang lebih sepadan melalui pembahagian setiap komponen utama dengan sisihan piawai iaitu punca kuasa dua bagi nilai eigen yang sepadan. Persamaan (3.5) menjadi

$$\begin{aligned} X_1 &= \sqrt{\lambda_1}b_{11}F_1 + \sqrt{\lambda_2}b_{21}F_2 + \dots + \sqrt{\lambda_k}b_{k1}F_k + e_1 \\ X_2 &= \sqrt{\lambda_1}b_{12}F_1 + \sqrt{\lambda_2}b_{22}F_2 + \dots + \sqrt{\lambda_k}b_{k2}F_k + e_2 \\ &\vdots \\ X_p &= \sqrt{\lambda_1}b_{1p}F_1 + \sqrt{\lambda_2}b_{2p}F_2 + \dots + \sqrt{\lambda_k}b_{kp}F_k + e_p \end{aligned} \quad (3.6)$$

Jika $F_i = \frac{Z_i}{\sqrt{\lambda_i}}$, maka model umum daripada komponen utama yang berbentuk

$$\begin{aligned} X_1 &= a_{11}F_1 + a_{12}F_2 + \dots + a_{1k}F_k + e_1 \\ X_2 &= a_{21}F_1 + a_{22}F_2 + \dots + a_{2k}F_k + e_2 \\ &\vdots \\ X_p &= a_{p1}F_1 + a_{p2}F_2 + \dots + a_{pk}F_k + e_p \end{aligned} \quad (3.7)$$

di mana $a_{ij} = \sqrt{\lambda_i}b_{ji}$.

Faktor muatan bergantung kepada jumlah sampel yang diambil. Semakin besar sampel yang diambil, semakin kecil faktor muatan yang akan diperolehi.

Fasa kedua: Menentukan faktor putaran

Fasa ini adalah untuk mentafsirkan faktor permulaan dalam model umum kepada faktor yang lebih sesuai untuk penafsiran. Matrik kovarians akan ditafsir sehingga terdapat a_{ij} yang baru sama ada hampir kepada positif dan negatif satu atau sifar. Putaran yang biasa digunakan ialah putaran ortogon (*varimax rotation*). Persamaan (3.7) menjadi

$$\begin{aligned} X_1 &= a^*_{11}F^*_1 + a^*_{12}F^*_2 + \dots + a^*_{1m}F^*_m + e_1 \\ X_2 &= a^*_{21}F^*_1 + a^*_{22}F^*_2 + \dots + a^*_{2m}F^*_m + e_2 \\ &\vdots \\ X_p &= a^*_{p1}F^*_1 + a^*_{p2}F^*_2 + \dots + a^*_{pm}F^*_m + e_p \end{aligned} \tag{3.8}$$

di mana F^*_i adalah faktor baru

a^*_{ij} adalah faktor muatan baru

Fasa ketiga: Mengira skor faktor

Fasa ini menggunakan persamaan (3.8) iaitu

$$\begin{aligned} X_1 &= a^*_{11}F^*_1 + a^*_{12}F^*_2 + \dots + a^*_{1m}F^*_m + e_1 \\ X_2 &= a^*_{21}F^*_1 + a^*_{22}F^*_2 + \dots + a^*_{2m}F^*_m + e_2 \\ &\vdots \\ X_p &= a^*_{p1}F^*_1 + a^*_{p2}F^*_2 + \dots + a^*_{pm}F^*_m + e_p \end{aligned}$$

Skor faktor,

$$F^* = (A^T A)^{-1} A^T X$$

di mana $F^*_T = (F^*_1, F^*_2, \dots, F^*_m)$

$$X_T = (X_1, X_2, \dots, X_p)$$

A adalah matrik faktor muatan yang diberi

3.7 Analisis Data Menggunakan Perisian SPSS

Dalam kajian ini, perisian SPSS versi 11.5 (*Statistic Package For The Social Science. Version 11.5*) digunakan untuk menganalisis data. Langkah pertama adalah mengira matrik korelasi bagi setiap pembolehubah dalam kajian ini. Pembolehubah yang dianalisis dalam kajian ini ialah faktor-faktor pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT. Langkah kedua ialah mengasingkan faktor mengikut nilai varians di mana nilai varians tertinggi sebagai satu dan seterusnya. Bagi faktor yang mempunyai nilai varians yang sama akan dikumpulkan ke dalam kumpulan yang sama.

Langkah seterusnya ialah memilih faktor dan menentukan faktor putaran. Faktor dominan akan dipilih dan sebahagian daripada faktor yang dikaji juga akan dipilih. Analisis skor data bagi item yang bernilai negatif akan dikodkan semula supaya semua item bernilai positif. Langkah yang terakhir adalah hasil keputusan faktor-faktor yang banyak diambil kira dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT berdasarkan output yang diperoleh.

3.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan teori Analisis Faktor yang digunakan dalam kajian ini, prosedur analisis, instrumen kajian serta sampel dan kawasan kajian. Selain daripada itu, analisis data dengan menggunakan perisian SPSS turut dibincangkan. SPSS versi 11.5 (*Statistics Package For The Social Science. Version 11.5*) adalah perisian yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan membincangkan dapatan kajian yang telah diperolehi berkenaan kajian untuk mengenalpasti faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT. Selain daripada itu, dalam bab ini juga akan membincangkan pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT dan faktor-faktor dalam pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT yang telah diperolehi melalui edaran borang soal selidik.

4.2 Demografi Responden

Jadual 4.1: Taburan kekerapan berdasarkan Jantina responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	79	20.6
Perempuan	304	79.4
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.1, didapati 79.4 peratus (304 orang) adalah responden perempuan dan 20.6 peratus (79 orang) adalah responden lelaki. Majoriti responden bagi kajian ini adalah responden perempuan.

Jadual 4.2: Taburan kekerapan berdasarkan Fakulti responden

Fakulti	Kekerapan	Peratus
FST	124	32.4
FMSM	74	19.3
FASM	76	19.8
FPE	109	28.5
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.2, didapati 32.4 peratus (124 orang) adalah responden daripada Fakulti Sains dan Teknologi (FST), 19.3 peratus (74 orang) adalah responden daripada Fakulti Maritim dan Sains Marin (FMSM), 19.8 peratus (76 orang) adalah responden daripada Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM) dan 28.5 peratus (109 orang) adalah responden daripada Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE).

Jadual 4.3: Taburan kekerapan berdasarkan Tahun Pengajian responden

Tahun Pengajian	Kekerapan	Peratus
Tahun 1	297	77.5
Tahun 2	31	8.1
Tahun 3	55	14.4
Lain-lain	0	0.0
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.3, didapati 77.5 peratus (297 orang) adalah responden tahun 1, 8.1 peratus (31 orang) adalah responden tahun 2, 14.4 peratus (55 orang) adalah responden tahun 3. Majoriti responden bagi kajian ini adalah responden daripada tahun 1.

Jadual 4.4: Taburan kekerapan berdasarkan Bangsa responden

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	324	84.6
Cina	41	10.7
India	5	1.3
Lain-lain	13	3.4
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.4, didapati 84.6 peratus (324 orang) adalah responden yang berbangsa Melayu, 10.7 peratus (41 orang) adalah responden yang berbangsa Cina, 1.3

peratus (5 orang) adalah responden yang berbangsa India dan 3.4 peratus (13 orang) adalah lain-lain. Lain-lain merujuk kepada responden yang berbangsa Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Jadual 4.5: Taburan kekerapan berdasarkan Pengalaman Melancong responden

Pengalaman Melancong	Kekerapan	Peratus
Ya	361	94.3
Tidak	22	5.7
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.5, didapati 94.3 peratus (361 orang) responden pernah melancong dan 5.7 peratus (22 orang) responden tidak pernah pergi melancong. Pengalaman Melancong responden dikaji melalui soalan ‘Pernakah anda melancong?’ yang terdapat dalam borang soal selidik.

4.3 Pemilihan Destinasi Pelancongan

Jadual 4.6: Taburan kekerapan berdasarkan Jenis Pengangkutan yang dipilih oleh responden

Jenis Pengangkutan	Kekerapan	Peratus
Kereta	262	68.4
Bas	75	19.6
Kapal Terbang	41	10.7
Lain-lain	5	1.3
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.6, didapati 68.4 peratus (262 orang) responden memilih kereta untuk pergi melancong, 19.6 peratus (75 orang) responden memilih bas, 10.7 peratus (41 orang) responden lebih selesa menaiki kapal terbang dan 1.3 peratus (5 orang) responden memilih lain-lain jenis pengangkutan seperti feri dan bot.

Jadual 4.7: Taburan kekerapan berdasarkan Tempat Pelancongan yang digemari responden

Tempat Pelancongan	Kekerapan	Peratus
Pulau-pulau yang cantik & bersih	213	55.6
Pantai-pantai yang cantik	88	23.0
Tempat-tempat bersejarah	28	7.3
Kawasan Tanah Tinggi	54	14.1
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.7, didapati 55.6 peratus (213 orang) responden memilih pulau sebagai destinasi pelancongan mereka, 23.0 peratus (88 orang) responden memilih pantai, 7.3 peratus (28 orang) responden memilih tempat-tempat bersejarah dan 14.1 peratus (54 orang) responden memilih kawasan tanah tinggi untuk dijadikan tempat pelancongan mereka.

Jadual 4.8: Taburan kekerapan berdasarkan ciri-ciri utama pemilihan destinasi pelancongan oleh responden

Ciri-ciri utama	Kekerapan	Peratus
Kemudahan penginapan	43	11.2
Lokasi yang menarik	209	54.6
Kos perbelanjaan murah	119	31.1
Pilihan makanan yang banyak	12	3.1
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.8, didapati 11.2 peratus (43 orang) responden mengutamakan kemudahan penginapan, 54.6 peratus (209 orang) responden mengutamakan lokasi yang menarik, 31.1 peratus (119 orang) responden mengutamakan kos perbelanjaan yang murah dan 3.1 peratus (12 orang) responden mengutamakan pilihan makanan yang banyak dalam pemilihan destinasi pelancongan.

Jadual 4.9: Taburan kekerapan berdasarkan pihak yang mempengaruhi responden dalam pemilihan destinasi pelancongan

Pihak yang mempengaruhi responden	Kekerapan	Peratus
Keluarga	189	49.3
Sendiri	88	23.0
Rakan-rakan	102	26.6
Lain-lain	4	1.0
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.9, didapati 49.3 peratus (189 orang) responden dipengaruhi oleh keluarga mereka dalam memilih destinasi pelancongan dan 23.0 peratus (88 orang) responden pula memilih destinasi pelancongan atas kehendak sendiri. Manakala 26.6 peratus (102 orang) dipengaruhi oleh rakan-rakan dan 1.0 peratus (4 orang) dipengaruhi oleh pihak lain seperti teman istimewa.

Jadual 4.10: Taburan kekerapan berdasarkan faktor-faktor utama pemilihan destinasi pelancongan oleh responden

Faktor-faktor utama	Kekerapan	Peratus
Iklan/ promosi	108	28.2
Harga	108	28.2
Kecantikan	151	39.4
Lain-lain	16	4.2
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.10, didapati 28.2 peratus (108 orang) responden dipengaruhi oleh faktor iklan atau promosi dan faktor harga, 39.4 peratus (151 orang) responden dipengaruhi oleh faktor kecantikan dan 4.2 peratus (16 orang) responden dipengaruhi oleh faktor-faktor lain dalam pemilihan destinasi pelancongan.

Jadual 4.11: Taburan kekerapan berdasarkan sumber responden mendapatkan maklumat tentang suatu destinasi pelancongan

Sumber	Kekerapan	Peratus
Internet	139	36.3
Rakan-rakan	79	20.6
Keluarga	61	15.9
Majalah	72	18.8
Suratkhabar	24	6.3
Lain-lain	8	2.1
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.11, didapati 36.3 peratus (139 orang) responden mendapatkan maklumat tentang suatu destinasi pelancongan melalui internet, 20.6 peratus (79 orang) responden mendapatkan maklumat daripada rakan-rakan, 15.9 peratus (61 orang) responden mendapatkan maklumat daripada keluarga, 18.8 peratus (72 orang) responden mendapatkan maklumat melalui majalah, 6.3 peratus (24 orang) responden mendapatkan maklumat melalui suratkhbar dan 2.1 peratus (8 orang) responden mendapatkan maklumat daripada lain-lain sumber yang disenaraikan.

Jadual 4.12: Taburan kekerapan berdasarkan pendapat responden untuk mengutamakan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka

Sebab-sebab mengutamakan Malaysia sebagai destinasi pelancongan	Kekerapan	Peratus
Tempat cantik	120	31.3
Semangat Patriotik	19	5.0
Kenali negara sendiri	108	28.2
Aliran wang dalam negara	51	13.3
Memajukan industri pelancongan	81	21.1
Lain-lain	4	1.0
Jumlah	383	100

Berdasarkan Jadual 4.12, didapati 31.3 peratus (120 orang) responden berpendapat Malaysia perlu dijadikan destinasi pelancongan adalah kerana terdapat tempat-tempat yang cantik, 5.0 peratus (19 orang) responden berpendapat adalah disebabkan oleh semangat patriotik, 28.2 peratus (108 orang) responden berpendapat adalah disebabkan untuk mengenali negara sendiri, 13.3 peratus (51 orang) berpendapat adalah disebabkan oleh pengaliran wang di dalam negara, 21.1 peratus (81 orang) berpendapat adalah untuk

memajukan industri pelancongan dan 1.0 peratus (4 orang) responden berpendapat selain daripada yang telah disenaraikan.

4.4 Matrik Korelasi

Matrik korelasi adalah matrik pepenjuru bagi pekali antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Pekali bagi pembolehubah dengan dirinya sendiri adalah bernilai satu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap komponen pada garis pepenjuru matrik korelasi bernilai satu dan penentu bagi matrik korelasi ini adalah 3.012×10^{-7} .

4.5 Ujian KMO dan Bartlett

Jadual 4.13: Ujian KMO dan Bartlett

<i>Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.</i>		.912
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	<i>Approx. Chi-Square</i>	5578.221
	<i>df</i>	406
	<i>Sig.</i>	.000

Ujian KMO bertujuan untuk mengukur kebolehan dan kecukupan persampelan yang seharusnya melebihi 0.5 untuk membolehkan kaedah Analisis Faktor diteruskan. Jadual 4.13 menunjukkan bahawa ukuran KMO adalah bernilai 0.912. Oleh kerana ukuran KMO ini melebihi 0.5, maka kaedah Analisis Faktor boleh diteruskan. Jadual 4.13 juga menunjukkan bahawa Ujian Kebundaran Bartlett adalah sangat signifikan dengan kebarangkaliannya kurang daripada 0.05 iaitu 0.00.

4.6 Komunaliti

Berdasarkan Jadual 4.14 (Rujuk Lampiran 1), didapati bahawa 76.7 peratus varians pada faktor penyelesaian dan keselamatan dan 46.0 peratus varians pada faktor

geografi. Ini menunjukkan bahawa faktor keselesaan dan keselamatan merupakan faktor yang paling banyak perwakilannya dalam ruang faktor yang dikaji.


4.7 Pengekstrakkan Faktor

Dalam kajian ini faktor yang terlibat adalah sebanyak 6 faktor iaitu keselesaan dan keselamatan, geografi, harga, kemudahan, perbelanjaan dan promosi. Daripada faktor-faktor ini maka terbentuknya 30 pernyataan seperti yang terdapat dalam borang soal selidik. Dengan ini akan wujud 30 nilai eigen yang akan menentukan bilangan komponen untuk faktor-faktor yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis komponen utama (*Principal Component Analysis*) untuk menentukan komponen yang terlibat. Pengekstrakkan faktor ini adalah untuk menentukan faktor yang diperlukan untuk mewakili data yang telah dianalisis. Faktor-faktor yang mempunyai nilai eigen yang sama atau lebih daripada 1.0 akan dipilih sebagai faktor yang dikenali sebagai hasil kajian.

Berdasarkan Jadual 4.15, bilangan komponen yang mempunyai nilai eigen yang sama atau lebih daripada 1.0 adalah sebanyak 6 komponen (Rujuk Lampiran 2). Oleh itu, bilangan faktor yang perlu dianalisis dan dikaji bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT ialah sebanyak 6 faktor.

4.8 Plot Scree



Graf 4.1: Graf nilai eigen melawan bilangan komponen

Dalam kaedah Analisis Faktor, plot *scree* merupakan kaedah untuk menentukan bilangan faktor yang akan diekstrak. Plot *scree* merupakan graf garis yang menunjukkan susunan nilai eigen daripada yang terkecil kepada yang terbesar. Dalam kajian ini, plot *scree* ini digunakan untuk menentukan bilangan komponen yang terlibat. Berdasarkan graf 4.1, terdapat 30 komponen yang terlibat dalam kajian ini.

4.9 Matrik Komponen

Jadual 4.16 adalah muatan (*loading*) bagi 30 pembolehubah pada 6 komponen yang telah dipilih (Rujuk Lampiran 3).

4.10 Matrik Komponen Putaran

Jadual 4.17 (Rujuk Lampiran 4) menunjukkan matrik komponen selepas putaran ortogon (*varimax rotation*). Pembolehubah-pembolehubah yang terdapat di dalam matrik komponen putaran akan disusun mengikut faktor skor yang tertinggi bagi faktor yang

telah dipilih. Berikut merupakan Jadual 4.18 yang menunjukkan item dan komponen yang telah dipilih.

Jadual 4.18: Komponen dan item yang terpilih

Komponen	Item
1	<ul style="list-style-type: none"> • Layanan pekerja di tempat pelancongan sangat mesra • Kebersihan di tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik • Kemudahan yang disediakan di tempat pelancongan sangat memuaskan • Kecantikan tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik • Perkhidmatan yang diberikan di tempat pelancongan mencapai tahap cemerlang • Terdapat banyak pilihan kemudahan pengangkutan disediakan
2	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat banyak pulau cantik & menarik di Malaysia • Masyarakat majmuk merupakan suatu keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan • Pilihan kemudahan penginapan yang banyak • Kos pengangkutan lebih murah jika melancong di Malaysia • Harga tempat penginapan di kawasan pelancongan adalah berpatutan • Terdapat pantai-pantai yang cantik & bersih di Malaysia • Terdapat banyak promosi pelancongan Malaysia di internet • Kos perbelanjaan lebih murah berbanding melancong di luar negara
3	<ul style="list-style-type: none"> • Malaysia kaya dengan alam semulajadi untuk dijadikan kawasan pelancongan • Tahun Melawat Malaysia merupakan promosi Malaysia ke peringkat antarabangsa • Kita perlu mengutamakan tempat pelancongan di dalam negara kita terlebih dahulu • Cuaca/iklim di Malaysia menjadikan saya lebih selesa melancong di dalam negara
4	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pusat membeli-belah disediakan di kawasan pelancongan • Terdapat banyak pilihan makanan boleh diperoleh • Harga makanan di kawasan pelancongan adalah berpatutan • Harga kraftangan/cenderamata yang dijual di tempat pelancongan adalah berpatutan

Sambungan Jadual 4.18: Jadual Komponen dan item yang terpilih

5	<ul style="list-style-type: none"> • Melancong di dalam negara tidak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi • Saya berasa selamat untuk melancong di Malaysia • Kawasan pelancongan di Malaysia dijamin keselamatannya • Saya berpendapat harga-harga di kawasan pelancongan setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan • Saya suka melancong di dalam negara berbanding di luar negara
6	<ul style="list-style-type: none"> • Promosi yang dijalankan telah menarik minat saya untuk melancong di Malaysia • Malaysia mempunyai banyak kawasan tinggalan sejarah yang menarik • Terdapat banyak iklan pelancongan yang menarik

4.11 Perbincangan

Di bawah tajuk perbincangan ini, item-item yang terpilih telah dikelaskan berdasarkan faktor keselesaan dan keselamatan, faktor geografi, faktor harga, faktor kemudahan, faktor perbelanjaan dan faktor promosi. Item-item yang terdapat di dalam komponen 1 dikenali sebagai faktor keselesaan dan keselamatan, item-item bagi komponen 2 dikenali sebagai faktor geografi dan item-item bagi komponen 3 pula dikenali sebagai faktor harga. Seterusnya, item-item bagi komponen 4 dikenali sebagai faktor kemudahan, item-item bagi komponen 5 dikenali sebagai faktor perbelanjaan dan item-item bagi komponen 6 dikenali sebagai faktor promosi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item yang perlu ditukarkan kepada faktor-faktor lain yang lebih sesuai. Ini adalah disebabkan oleh maklum balas responden yang kurang tepat atau responden mempunyai kemusykilan terhadap pernyataan-pernyataan yang terdapat dalam instrumen kajian.

Jadual-jadual di bawah menunjukkan item-item terpilih yang telah dikelaskan kepada 6 faktor. Dapat juga dilihat bahawa terdapat item-item yang telah ditukar kepada faktor lain, tidak sama seperti di dalam Jadual 4.18. Ini adalah disebabkan terdapat

beberapa item yang tidak sesuai untuk dikelaskan mengikut faktor (komponen) sebagaimana yang terdapat di dalam Jadual 4.18, sebabnya seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Berikut merupakan 6 faktor yang telah dikelaskan mengikut pernyataan-pernyataan yang terdapat dalam instrumen kajian iaitu:

Faktor 1

Item	Pernyataan
28	Layanan pekerja di tempat pelancongan sangat mesra.
29	Kebersihan di tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik.
27	Kemudahan yang disediakan di tempat pelancongan sangat memuaskan.
30	Kecantikan tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik.
26	Perkhidmatan yang disediakan di tempat pelancongan yang diberikan mencapai tahap cemerlang.
4	Kawasan pelancongan di Malaysia dijamin keselamatannya.
24	Cuaca/iklim di Malaysia menjadikan saya lebih selesa untuk melancong di dalam negara.

Kesimpulan: Item-item ini boleh diringkaskan sebagai **faktor keselesaan dan keselamatan** yang diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka.

Faktor 2

Item	Pernyataan
1	Terdapat banyak pulau cantik & menarik di Malaysia (Contoh: Pulau Langkawi, Pulau Redang).
16	Masyarakat majmuk merupakan suatu keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.
13	Terdapat pantai-pantai yang cantik & bersih di Malaysia.
11	Saya berasa selamat untuk melancong di Malaysia.
23	Malaysia kaya dengan alam semulajadi untuk dijadikan kawasan pelancongan (Contoh: Hutan Simpan Sepilok, Sabah & Gua Niah, Sarawak).
7	Malaysia mempunyai banyak kawasan tinggalan sejarah yang menarik (Contoh: Melaka, Pulau Langkawi).

Kesimpulan: Item-item ini boleh diringkaskan dalam **faktor geografi** yang diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka. Faktor geografi ini meliputi keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Faktor 3

Item	Pernyataan
31	Kita perlu mengutamakan tempat pelancongan di dalam negara kita terlebih .
19	Harga makanan di kawasan pelancongan adalah berpatutan.
14	Harga kraftangan/cenderamata yang dijual di tempat pelancongan adalah berpatutan.

Kesimpulan: Item-item ini boleh diringkaskan sebagai **faktor harga** yang diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka. Harga adalah meliputi harga-harga yang dikenakan di kawasan pelancongan seperti makanan dan cenderamata.

Faktor 4

Item	Pernyataan
20	Terdapat pusat membeli-belah disediakan di kawasan pelancongan.
21	Terdapat banyak pilihan makanan boleh diperolehi.
15	Terdapat banyak pilihan kemudahan pengangkutan disediakan.

Kesimpulan: Item-item ini boleh diringkaskan sebagai **faktor kemudahan**. Kemudahan ini meliputi kemudahan-kemudahan yang disediakan di kawasan pelancongan seperti pengangkutan dan pusat membeli-belah.

Faktor 5

Item	Pernyataan
10	Melancong di Malaysia tidak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi.
8	Saya berpendapat harga-harga di kawasan pelancongan setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan.
9	Saya suka melancong di dalam negara berbanding di luar negara.
17	Kos pengangkutan lebih murah jika melancong di Malaysia.
2	Harga tempat penginapan di kawasan pelancongan adalah berpatutan.

Kesimpulan: Item-item ini boleh diringkaskan sebagai **faktor perbelanjaan**. Perbelanjaan ini meliputi semua perbelanjaan yang perlu diambil kira sebelum pergi melancong seperti tempat penginapan.

Faktor 6

Item	Komponen
6	Promosi yang dijalankan telah menarik minat saya untuk melancong di Malaysia.
12	Terdapat banyak iklan pelancongan yang menarik.
18	Terdapat banyak promosi pelancongan Malaysia di internet.
22	Tahun Melawat Malaysia merupakan promosi Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Kesimpulan: Item-item ini boleh diringkaskan sebagai **faktor promosi**. Promosi ini meliputi sumber-sumber untuk mendapatkan maklumat pelancongan seperti iklan, internet dan program Tahun Melawat Malaysia.

4.12 Kesimpulan

Kesimpulannya, faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT adalah seperti faktor promosi, harga dan kecantikan. Bagi faktor-faktor dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pula, terdapat 6 faktor yang terbentuk daripada keputusan analisis data. Faktor-faktor yang telah dikenalpasti adalah seperti faktor keselesaan dan keselamatan, faktor geografi, faktor harga, faktor kemudahan, faktor perbelanjaan dan faktor promosi. Faktor yang paling dominan dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT ialah faktor keselesaan dan keselamatan.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan merumuskan hasil kajian yang telah diperoleh dalam bab sebelum ini. Bagi mengenalpasti faktor yang paling dominan dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT adalah dengan melihat item yang paling banyak mewakili sesuatu faktor itu. Di akhir bab ini juga akan membincangkan beberapa cadangan yang diharapkan dapat memberi idea kepada bakal penyelidik.

5.2 Rumusan kajian

Rumusan kajian adalah berdasarkan keputusan yang diperolehi setelah melalui langkah-langkah berikut:

- 1) Pengiraan matrik korelasi di mana setiap komponen pada garis pepenjuru matrik korelasi adalah bernilai satu dan penentu bagi matrik korelasi ini ialah 3.012×10^{-7} .
- 2) Pengestrakkan faktor di mana hanya 6 faktor sahaja terpilih. Faktor-faktor tersebut adalah faktor keselesaan dan keselamatan, geografi, kemudahan, harga, perbelanjaan dan promosi.

- 3) Putaran di mana dalam kajian ini putaran yang dimaksudkan ialah putaran ortogon (*varimax rotation*).

Faktor 1 mempunyai muatan faktor yang tinggi iaitu layanan pekerja di tempat pelancongan sangat mesra, kebersihan dan kecantikan di tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik, perkhidmatan yang diberikan adalah sangat cemerlang, tempat pelancongan di Malaysia dijamin keselamatannya, cuaca atau iklim di Malaysia dan kemudahan yang disediakan sangat memuaskan. Item-item ini diringkaskan dalam faktor keselesaan dan keselamatan yang akan diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka.

Faktor 2 terdiri daripada item-item seperti terdapat pulau-pulau yang cantik dan menarik, pantai-pantai yang cantik dan bersih, masyarakat majmuk merupakan keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan, saya berasa selamat untuk melancong di Malaysia, Malaysia kaya dengan alam semulajadi untuk dijadikan kawasan pelancongan dan Malaysia mempunyai banyak kawasan tinggalan sejarah yang menarik. Item-item tersebut boleh diringkaskan dalam faktor geografi yang akan diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka. Faktor geografi ini meliputi keistimewaan yang terdapat di Malaysia seperti kawasan bersejarah dan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

Faktor 3 terdiri daripada item-item seperti harga kraftangan atau cenderamata yang dijual di tempat pelancongan adalah berpatutan, harga makanan di kawasan pelancongan adalah berpatutan dan kita perlu mengutamakan tempat pelancongan di dalam negara kita terlebih dulu. Item-item ini boleh diringkaskan sebagai faktor harga yang akan diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka. Faktor harga ini meliputi harga yang dikenakan di kawasan pelancongan seperti harga makanan dan harga cenderamata.

Faktor 4 mengandungi item-item seperti terdapat pusat membeli-belah di kawasan pelancongan, terdapat banyak pilihan makanan boleh diperolehi dan terdapat banyak pilihan kemudahan pengangkutan disediakan. Item-item ini boleh diringkaskan sebagai faktor kemudahan yang akan diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka. Faktor kemudahan ini bermaksud kemudahan-kemudahan yang disediakan di kawasan pelancongan seperti kemudahan pengangkutan dan pusat membeli-belah.

Faktor 5 mengandungi item-item seperti kos pengangkutan lebih murah jika melancong di Malaysia, melancong di Malaysia tidak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi, harga tempat penginapan di kawasan pelancongan adalah berpatutan, saya suka melancong di dalam negara berbanding di luar negara dan saya berpendapat harga-harga di kawasan pelancongan setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Item-item ini boleh diringkaskan sebagai faktor perbelanjaan yang juga mungkin akan diambil kira oleh pelajar-pelajar UMT dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka. Faktor perbelanjaan ini meliputi semua perbelanjaan yang perlu difikirkan sebelum pergi melancong seperti tempat penginapan.

Faktor 6 terdiri daripada item-item seperti terdapat iklan pelancongan yang menarik, promosi yang dijalankan telah menarik minat saya untuk melancong di Malaysia, terdapat banyak promosi pelancongan Malaysia di internet dan Tahun Melawat Malaysia merupakan program mempromosikan Malaysia ke peringkat antarabangsa. Item-item ini boleh diringkaskan sebagai faktor promosi. Faktor promosi ini meliputi sumber-sumber untuk mendapatkan maklumat pelancongan di Malaysia seperti iklan-iklan di televisyen.

Ini dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT ialah faktor keselesaan dan keselamatan, faktor geografi, faktor kemudahan, faktor perbelanjaan, faktor harga dan

faktor promosi. Faktor yang paling utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT ialah faktor keselesaan dan keselamatan. Ini kerana faktor keselesaan dan keselamatan mengandungi item yang paling banyak.

Selain itu, daripada penganalisan data juga diperolehi faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT. Faktor-faktor tersebut ialah faktor iklan atau promosi, faktor harga dan faktor kecantikan. Berdasarkan hasil kajian, didapati 28.2 peratus (108 orang) responden berpendapat faktor iklan atau promosi dan faktor harga yang perlu diambil kira sebelum memilih destinasi pelancongan. Manakala 39.4 peratus (151 orang) responden berpendapat faktor kecantikan yang perlu diambil kira sebelum memilih destinasi pelancongan dan 4.2 peratus (16 orang responden) berpendapat faktor-faktor selain yang disenaraikan seperti faktor keselesaan dan keselamatan.

5.3 Cadangan

Pada akhir kajian ini, beberapa cadangan ingin diusulkan yang diharapkan dapat memberi idea-idea kepada pengkaji pada masa akan datang terutamanya kajian menggunakan kaedah Analisis Faktor.

Bagi pengkaji yang ingin membuat kajian berkaitan Analisis Faktor dicadangkan agar menggunakan saiz sampel yang lebih besar. Semakin besar saiz sampel yang digunakan, semakin kecil nilai muatan faktor yang akan diperolehi. Oleh itu, keputusan yang diperolehi akan lebih jitu dan tepat. Selain itu juga, pengkaji juga boleh mengambil responden daripada pelbagai tempat seperti membandingkan pendapat responden-responden dari 2 universiti yang berbeza.

Bagi pengkaji yang ingin membuat kajian berkaitan faktor-faktor pemilihan destinasi pelancongan dicadangkan agar menggunakan kaedah statistik yang lain seperti Model Regresi Berganda, ANOVA dan MANOVA. Pengkaji juga boleh menggunakan 2 kaedah yang telah disenaraikan supaya hasil kajian boleh dibandingkan.

5.4 Kesimpulan

Hasil daripada kajian ini terdapat 6 faktor dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT iaitu faktor keselesaan dan keselamatan, faktor geografi, faktor kemudahan, faktor perbelanjaan, faktor harga dan faktor promosi. Faktor utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT ialah faktor keselesaan dan keselamatan. Ini kerana faktor keselesaan dan keselamatan mengandungi paling banyak item.

Selain itu juga, faktor-faktor dalam pemilihan destinasi pelancongan di kalangan pelajar-pelajar UMT telah dikenalpasti iaitu faktor promosi atau iklan, faktor kecantikan dan faktor harga. Berdasarkan Jadual 4.10, seramai 151 orang responden mengatakan faktor kecantikan suatu tempat pelancongan mempengaruhi mereka dalam pemilihan destinasi pelancongan. Manakala seramai 108 orang responden mengatakan faktor harga dan faktor promosi mempengaruhi mereka dalam pemilihan destinasi pelancongan. Seramai 16 orang responden mengatakan faktor lain-lain seperti faktor keselamatan dan kemudahan.

RUJUKAN

- Afifi, A.A., & Clark, V. 1996. *Computer Aided Multivariate Analysis*. London: Chapman & Hall
- Ahmad Azmi Bin Mohd Ariffin. 1999. *Motivasi dan Implikasi Pemasaran Pelancongan ke Pulau Peranginan di kalangan Segmen Eksekutif Muda*.
<http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/jp18-06.html> [29 Januari 2009]
- Chua, Y.P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kaedah Penyelidikan Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cohen. 1977. Dalam Chua Y.P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kaedah Penyelidikan Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Comrey & Lee. 1992. Dalam Chua Y. P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kaedah Penyelidikan Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- How To Write Tourism Questionnaire.
http://www.ecotour.org/ImageCache/ecotour/content/downloads/tap_5ftool_5fworksheet_2edoc/v1/tap_5ftool_5fworksheet.doc#_TOOL:___How_1 [23 Oktober 2008]
- Krejcie & Morgan. 1970. Dalam Chua Y. P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kaedah Penyelidikan Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Kwon J. 2008. *Factors Influencing Residents' Attitudes Toward Tourism Marketing As A Development Strategy*.
<http://proquest.umi.com.ezproxy.umt.edu.my/pqdweb?index=12&did=1534191971&SrchMode=1&sid=1&Fmt=2&VInst=PROD&VType=PQD&RQT=309&VName=PQD&TS=1223364959&clientId=47384> [27 Oktober 2008]
- Larson, S. W. M. Ng. 2008. *Factors Influencing Japanese Tourism To Hawaii: A Microeconomic Analysis (1980-2006)*.
<http://proquest.umi.com.ezproxy.umt.edu.my/pqdweb?index=13&did=1495949161&SrchMode=1&sid=1&Fmt=2&VInst=PROD&VType=PQD&RQT=309&VName=PQD&TS=1223364959&clientId=47384> [28 Oktober 2008]
- Nielsen, C. 2001. *Tourism & the media: tourist decision-making, information & communication*. Melbourne UIC: Hospitality Press.

- Noraisikin Ghazali & Hashim Othman. 2007. *Guru Bahasa Melayu Sebagai Pemimpin Pengajaran*. <http://www.pendidikbahasa.com/PE1.htm> [27 Oktober 2008]
- Norzalita, A.A. 2000. *Penggunaan Internet Sebagai Sumber Maklumat Industri Pelancongan Di Malaysia*. <http://www.penerbit.ukm.my/jp19-03.html> [27 Oktober 2008]
- Nurul Iswani Bt. Ismail. 2006. *Persepsi Keselamatan Pelancong Di Kawasan Ekopelancongan Kajian Kes: Taman Negara, Pahang*. <http://eprints.utm.my/1568/1/NurullswaniIsmailMBD2006TTT.pdf> [27 Oktober 2008]
- Nurhidayati Binti Badarulzaman. 2008. *Kajian tahap tekanan di kalangan warga tua: satu kajian di Rumah Seri Kenangan Bedong*. <http://jurnalakademik.blogspot.com/> [2 Februari 2009]
- Pedhazur & Schmelkin. 1991. Dalam Chua Y. P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kaedah Penyelidikan Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Planning A Factor Analytic Study. <http://www.psych.yorku.ca/lab/psy6140/fa/facplan.htm> [27 Oktober 2008]
- Ruhizan Mohd Yassin, Mohd Jasmy Abd Rahman, Norlena Salamuddin & Rosadah Abd Majid. 2001. *Proses Kognitif Pelajar Cemerlang & Tidak Cemerlang*. http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/jurnal_pdf/jdidik27-02.pdf [28 Oktober 2008]
- Rummel. 1979. Dalam Paulo A. L. D. N. 2002. Using Factor Analysis To Identify Consumer Preferences For The Protection Of Natural Area In Portugal. *European Journal Of Operational Research*.
- Rut binti Daouni. 2006. *Kajian Kepuasan Pelancong Terhadap Kualiti Perkhidmatan Muzium Negeri Sabah*. <http://eprints.utm.my/4520/1/RutDouniKPFAB2007TTT.pdf> [28 Oktober 2008]
- Schokkaert & Van O. 1990. Dalam Paulo A. L. D. N. 2002. Using Factor Analysis To Identify Consumer Preferences For The Protection Of Natural Area In Portugal. *European Journal Of Operational Research* 140(2): 499-516.
- Spearman. 1904. Dalam Manly A. 1994. *Multivariate Statistics Methods A Prime Second Edition*, Department Of Mathematics and Statistics, University Of Otago New Zealand.
- Tourism <http://en.wikipedia.org/wiki/Tourism> [28 Oktober 2008]

Tsang, K. F. N. 2007. *Measuring Service & Service Culture In The Tourism Industry*.
<http://proquest.umi.com.ezproxy.umt.edu.my/pqdweb?index=526&did=1467889761&SrchMode=1&sid=3&Fmt=2&VInst=PROD&VType=PQD&RQT=309&VName=PQD&TS=1224734498&clientId=47384> [28 Oktober 2008]

Web For Schools: Tourism Project.
<http://www.stvincent.ac.uk/WfS/Tourism/tourquest.html> [23 Oktober 2008]

Wu, S.H. 2006. *Assessing The Effects Of Professionals' Career Decision-Making On Their Participation Reasons In Continuing Education In Taiwan*.
<http://proquest.umi.com.ezproxy.umt.edu.my/pqdweb?index=743&did=1158525521&SrchMode=1&sid=1&Fmt=2&VInst=PROD&VType=PQD&RQT=309&VName=PQD&TS=1225085779&clientId=47384> [28 Oktober 2008]

LAMPIRAN A:
BORANG SOAL SELIDIK

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

Assalamualaikum / Selamat Sejahtera;

Terlebih dahulu saya ingin memohon kerjasama daripada anda untuk mengisi borang kajian ini dengan jujur. Saya pelajar tahun akhir perlu membuat Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) sebagai salah satu syarat program yang saya ikuti Kerjasama anda yang anda berikan, saya ucapkan ribuan terima kasih. Semoga Tuhan membalas jasa baik anda.

No. Matrik: _____

No. Kad Pengenalan: _____

1. Jantina

Lelaki Perempuan

2. Fakulti

FST FASM
 FMSM FPE

3. Tahun Pengajian

Tahun 1 Tahun 2
 Tahun 3 Lain-Lain: (Sila nyatakan): _____

4. Umur

Bawah 20 tahun
 20-25 tahun
 26 tahun dan ke atas

5. Bangsa

Melayu India
 Cina Lain-Lain: (Sila nyatakan): _____

6. Pernahkah anda melancong?

Ya Tidak

Jika ya, sila jawab soalan 7.

7. Di manakah anda lebih gemar untuk pergi melancong?

- Dalam Negara Luar Negara

BAHAGIAN B: PEMILIHAN DESTINASI PELANCONGAN

1. Berapa kali anda pergi melancong dalam masa setahun?

- 1 2
 3 Lain-Lain: (Sila nyatakan): _____

2. Berapa anggaran kos perbelanjaan untuk pergi melancong?

- Kurang daripada RM 1,000
 RM 1,000 hingga RM 3,000
 Lebih daripada RM 3,000

3. Jenis pengangkutan yang dipilih untuk pergi melancong?

- Kereta Bas
 Kapal Terbang Lain-Lain: (Sila nyatakan): _____

4. Tempat pelancongan yang anda gemari?

- Pulau-pulau yang cantik & bersih Tempat-tempat bersejarah
 Pantai-pantai yang cantik Kawasan Tanah Tinggi

5. Dalam pemilihan destinasi pelancongan, ciri-ciri utama yang akan difikirkan?

- Kemudahan penginapan Kos perbelanjaan murah
 Lokasi yang menarik Pilihan makanan yang banyak

6. Siapakah yang mempengaruhi anda untuk memilih destinasi pelancongan?

- Keluarga Rakan-rakan
 Sendiri Lain-lain: (Sila nyatakan): _____

7. Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi anda untuk memilih destinasi pelancongan?

- | | |
|---|--|
| <input type="checkbox"/> Iklan/ promosi | <input type="checkbox"/> Rakan-rakan/ keluarga |
| <input type="checkbox"/> Harga | <input type="checkbox"/> Lain-lain: (Sila nyatakan): _____ |

8. Lebih selesa pergi melancong bersama

- | | |
|--------------------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> Rakan-rakan | <input type="checkbox"/> Keluarga |
| <input type="checkbox"/> Sendirian | <input type="checkbox"/> Lain-lain: (Sila nyatakan): _____ |

9. Bagaimanakah anda mendapatkan maklumat tentang suatu destinasi pelancongan?

- | | |
|--------------------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> Internet | <input type="checkbox"/> Majalah |
| <input type="checkbox"/> Rakan-rakan | <input type="checkbox"/> Suratkhobar |
| <input type="checkbox"/> Keluarga | <input type="checkbox"/> Lain-lain: (Sila nyatakan): _____ |

10. Kenapa kita perlu utama destinasi pelancongan di dalam negara terlebih dahulu? Senaraikan keutamaan anda daripada nombor 1 hingga 6.

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Tempat cantik | <input type="checkbox"/> Aliran wang dalam negara |
| <input type="checkbox"/> Semangat patriotik | <input type="checkbox"/> Memajukan industri pelancongan |
| <input type="checkbox"/> Kenali negara sendiri | <input type="checkbox"/> Lain-lain. Nyatakan: _____ |

BAHAGIAN C: FAKTOR DALAM PEMILIHAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN ANDA

Sila tandakan (X) pada ruangan yang berkenaan berdasarkan skala di bawah:

SKALA:

- 1- sangat tidak setuju (1-20%)
- 2- tidak setuju (21-40%)
- 3- tidak pasti (41-60%)
- 4- setuju (61-80%)
- 5- sangat setuju (81-100%)

PERKARA	STS (1-20)	TS (21-40)	TP (41-60)	S (61-80)	SS (81-100)
1. Terdapat banyak pulau cantik & menarik di Malaysia (Contoh: Pulau Langkawi, Pulau Redang).					
2. Harga tempat penginapan di kawasan pelancongan adalah berpatutan.					
3. Pilihan kemudahan penginapan yang banyak (Contoh: chalet, hotel).					
4. Kawasan pelancongan di Malaysia dijamin keselamatannya.					
5. Kos perbelanjaan lebih murah berbanding melancong di luar negara.					
6. Promosi yang dijalankan telah menarik minat saya untuk melancong di Malaysia.					
7. Malaysia mempunyai banyak kawasan tinggalan sejarah (Contoh: Melaka, Pulau Langkawi).					
8. Saya berpendapat harga-harga di kawasan pelancongan setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan.					
9. Saya suka melancong di dalam negara berbanding di luar negara.					
10. Melancong di Malaysia tidak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi.					
11. Saya berasa selamat untuk melancong di Malaysia.					
12. Terdapat banyak iklan pelancongan yang menarik.					
13. Terdapat pantai-pantai yang cantik & bersih di Malaysia (Contoh: Rantau Abang, Port Dickson).					
14. Saya beranggapan harga kraftangan/ cenderamata yang dijual adalah berpatutan.					
15. Terdapat banyak pilihan kemudahan pengangkutan disediakan.					
16. Masyarakat majmuk merupakan suatu keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.					
17. Kos pengangkutan lebih murah jika melancong di Malaysia.					
18. Terdapat banyak promosi pelancongan Malaysia di internet.					
19. Harga makanan di kawasan pelancongan adalah berpatutan.					

20. Terdapat pusat membeli-belah disediakan di kawasan pelancongan.					
21. Terdapat banyak pilihan makanan boleh diperolehi.					
22. Tahun Melawat Malaysia merupakan promosi Malaysia ke peringkat antarabangsa.					
23. Malaysia kaya dengan alam semulajadi untuk dijadikan kawasan pelancongan (contoh: Hutan Simpan Sepilok, Sabah & Gua Niah, Sarawak).					
24. Cuaca/ Iklim di Malaysia menjadikan saya lebih selesa untuk melancong di dalam negara.					
25. Saya berasa selamat untuk melancong di Malaysia.					
26. Perkhidmatan yang diberikan di tempat pelancongan mencapai tahap cemerlang.					
27. Kemudahan yang disediakan di tempat pelancongan sangat memuaskan.					
28. Layanan pekerja di tempat pelancongan sangat mesra.					
29. Kebersihan di tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik.					
30. Kecantikan tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik.					
31. Kita perlu mengutamakan tempat pelancongan di dalam negara kita terlebih dahulu.					

LAMPIRAN B:

JADUAL PENENTUAN SAIZ SAMPEL KREJCIE DAN MORGAN (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	420	201	75,000	382
15	14	440	205	100,000	384
20	19	460	210		
25	24	480	214		
30	28	500	217		
35	32	550	226		
40	36	600	234		
45	40	650	242		
50	44	700	248		
55	48	750	254		
60	52	800	260		
65	56	850	265		
70	59	900	269		
75	63	950	274		
80	66	1,000	278		
85	70	1,100	285		
90	73	1,200	291		
95	76	1,300	297		
100	80	1,400	302		
110	86	1,500	306		
120	92	1,600	310		
130	97	1,700	313		
140	103	1,800	317		
150	108	1,900	320		
160	113	2,000	322		
170	118	2,200	327		
180	123	2,400	331		
190	127	2,600	335		
200	132	2,800	338		
210	136	3,000	341		
220	140	3,500	346		
230	144	4,000	351		
240	148	4,500	354		
250	152	5,000	357		
260	155	6,000	361		
270	159	7,000	364		
280	162	8,000	367		
290	165	9,000	368		
300	169	10,000	370		
320	175	15,000	375		
340	181	20,000	377		
360	186	30,000	379		
380	191	40,000	380		
400	196	50,000	381		

LAMPIRAN C:

OUTPUT SPSS

LAMPIRAN 1

Jadual 4.14: Komunaliti

	Permulaan	Pengeluaran
Terdapat banyak pulau cantik & menarik di Malaysia	1.000	.688
Harga tempat penginapan di kawasan pelancongan adalah berpatutan	1.000	.540
Pilihan kemudahan penginapan yang banyak	1.000	.603
Kawasan pelancongan di Malaysia dijamin keselamatannya	1.000	.655
Kos perbelanjaan lebih murah berbanding melancong di luar negara	1.000	.539
Promosi yang dijalankan telah menarik minat saya untuk melancong di Malaysia	1.000	.660
Malaysia mempunyai banyak kawasan tinggalan sejarah yang menarik	1.000	.602
Saya berpendapat harga-harga di kawasan pelancongan setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan	1.000	.547
Saya suka melancong di dalam negara berbanding di luar negara	1.000	.502
Melancong di dalam negara tidak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi	1.000	.662
Saya berasa selamat untuk melancong di Malaysia	1.000	.648
Terdapat banyak iklan pelancongan yang menarik	1.000	.602
Terdapat pantai-pantai yang cantik & bersih di Malaysia	1.000	.460

Harga kraftangan/cenderamata yang dijual di tempat pelancongan adalah berpatutan	1.000	.502
Terdapat banyak pilihan kemudahan pengangkutan disediakan	1.000	.495
Masyarakat majmuk merupakan suatu keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan	1.000	.637
Terdapat banyak promosi pelancongan di Malaysia	1.000	.554
Harga makanan di kawasan pelancongan adalah berpatutan	1.000	.567
Terdapat pusat membeli-belah disediakan di kawasan pelancongan	1.000	.685
Terdapat banyak pilihan makanan boleh diperolehi	1.000	.682
Tahun Melawat Malaysia merupakan promosi Malaysia ke peringkat antarabangsa	1.000	.657
Malaysia kaya dengan alam semulajadi untuk dijadikan kawasan pelancongan	1.000	.710
Cuaca/Iklim di Malaysia menjadikan saya lebih selesa melancong di dlm negara	1.000	.562
Perkhidmatan yang diberikan di tempat pelancongan mencapai tahap cemerlang	1.000	.648
Kemudahan yang disediakan di tempat pelancongan sangat memuaskan	1.000	.711
Layanan pekerja di tempat pelancongan sangat mesra	1.000	.767

Kebersihan di tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik	1.000	.761
Kecantikan tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik	1.000	.663
Kita perlu mengutamakan tempat pelancongan di dalam negara kita terlebih dahulu	1.000	.624
Kos pengangkutan lebih murah jika melancong di Malaysia	1.000	.612

LAMPIRAN 2

Jadual 4.15: Jumlah Varians

Komponen	Nilai Eigen Permulaan			Extraction Sums of Squared Loadings		
	Jumlah	% Varian	% Longgokan	Jumlah	% Varian	% Longgokan
1	10.682	35.608	35.608	10.682	35.608	35.608
2	2.561	8.538	44.146	2.561	8.538	44.146
3	1.589	5.297	49.442	1.589	5.297	49.442
4	1.365	4.549	53.991	1.365	4.549	53.991
5	1.266	4.220	58.211	1.266	4.220	58.211
6	1.082	3.606	61.817	1.082	3.606	61.817
7	.895	2.982	64.798			
8	.869	2.897	67.695			
9	.800	2.666	70.360			
10	.780	2.600	72.960			
11	.652	2.172	75.133			
12	.636	2.120	77.252			
13	.624	2.080	79.332			
14	.580	1.933	81.265			
15	.536	1.786	83.050			
16	.507	1.689	84.740			
17	.480	1.598	86.338			
18	.457	1.524	87.862			
19	.446	1.488	89.350			
20	.431	1.437	90.787			
21	.400	1.334	92.121			
22	.351	1.170	93.291			
23	.333	1.110	94.401			
24	.314	1.048	95.449			
25	.299	.998	96.447			
26	.263	.876	97.323			
27	.225	.751	98.074			
28	.213	.712	98.786			
29	.194	.647	99.433			
30	.170	.567	100.000			

LAMPIRAN 3

Jadual 4.16: Matrik Komponen

	Komponen					
	1	2	3	4	5	6
Perkhidmatan yg diberikan di tempat pelancongan mencapai tahap cemerlang	.683	-.383				
Kemudahan yang disediakan di tempat pelancongan sangat memuaskan	.675	-.425				
Terdapat banyak iklan pelancongan yang menarik	.668					.306
Saya berasa selamat untuk melancong di Malaysia	.659					
Kos pengangkutan lebih murah jika melancong di Malaysia	.657	.319				
Terdapat banyak pilihan kemudahan pengangkutan disediakan	.656					
Pilihan kemudahan penginapan yang banyak	.651					
Terdapat banyak promosi pelancongan Malaysia di internet	.651					
Kecantikan tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik	.645	-.350		.306		
Layanan pekerja di tempat pelancongan sangat mesra	.645	-.498				
Kawasan pelancongan di Malaysia dijamin keselamatannya	.635					-.401

Malaysia mempunyai banyak kawasan tinggalan sejarah yang menarik	.632					.395
Kebersihan di tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik	.606	-.476		.318		
Terdapat pantai-pantai yang cantik & bersih di Malaysia	.602					
Cuaca/Iklim di Malaysia menjadikan saya lebih selesa melancong di dalam negara	.596			.304	.313	
Masyarakat majmuk merupakan suatu keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan	.589	.398				-.331
Harga makanan di kawasan pelancongan adalah berpatutan	.586		.314			
Harga tempat penginapan di kawasan pelancongan adalah berpatutan	.583			-.341		
Saya berpendapat harga-harga di kawasan pelancongan setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan	.564	-.303				
Kos perbelanjaan lebih murah berbanding melancong di luar negara	.562	.428				
Saya suka melancong di dalam negara berbanding di luar negara	.552					.329
Harga kraftangan/cenderamata yang dijual di tempat pelancongan adalah berpatutan	.549	-.335				

Malaysia kaya dengan alam semulajadi untuk dijadikan kawasan pelancongan	.537	.417	.320	.369		
Kita perlu mengutamakan tempat pelancongan di dalam negara kita terlebih dahulu	.532	.364		.399		
Tahun Melawat Malaysia merupakan promosi Malaysia ke peringkat antarabangsa	.491	.385	.428			
Terdapat banyak pulau cantik & menarik di Malaysia	.496	.521				
Terdapat pusat membeli-belah disediakan di kawasan pelancongan	.503		.591			
Terdapat banyak pilihan makanan boleh diperolehi	.524		.576			
Melancong di dalam negara tidak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi	.524				.565	
Promosi yang dijalankan telah menarik minat saya untuk melancong di Malaysia	.564					.578

LAMPIRAN 4

Jadual 4.17: Matrik Komponen Putaran

	Komponen					
	1	2	3	4	5	6
Layanan pekerja di tempat pelancongan sangat mesra	.840					
Kebersihan di tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik	.828					
Kemudahan yang disediakan di tempat pelancongan sangat memuaskan	.774					
Kecantikan tempat pelancongan dijaga dengan sangat baik	.754					
Perkhidmatan yang diberikan di tempat pelancongan mencapai tahap cemerlang	.692					
Terdapat banyak pilihan kemudahan pengangkutan disediakan	.440			.346	.309	
Terdapat banyak pulau cantik & menarik di Malaysia		.785				
Masyarakat majmuk merupakan suatu keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan		.673	.376			
Pilihan kemudahan penginapan yang banyak	.348	.644				
Kos pengangkutan lebih murah jika melancong di Malaysia		.578			.365	

Harga tempat penginapan di kawasan pelancongan adalah berpatutan		.563			.336
Terdapat pantai-pantai yang cantik & bersih di Malaysia		.514			
Terdapat banyak promosi pelancongan Malaysia di internet		.501		.402	
Kos perbelanjaan lebih murah berbanding melancong di luar negara		.494	.410		.333
Malaysia kaya dengan alam semulajadi untuk dijadikan kawasan pelancongan			.767		
Tahun Melawat Malaysia merupakan promosi Malaysia ke peringkat antarabangsa			.713	.326	
Kita perlu mengutamakan tmpt pelancongan di dalam negara kita terlebih dahulu			.658		
Cuaca/Iklim di Malaysia menjadikan saya lebih selesa melancong di dalam negara	.334		.518		.379
Terdapat pusat membeli-belah disediakan di kawasan pelancongan				.784	
Terdapat banyak pilihan makanan boleh diperolehi				.738	
Harga makanan di kawasan pelancongan adalah berpatutan	.332			.582	.310
Harga kraftangan/cenderamata yang dijual di tempat pelancongan adalah berpatutan	.401			.450	

Melancong di dalam negara tidak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi					.724	
Saya berasa selamat untuk melancong di Malaysia	.313	.357			.628	
Kawasan pelancongan di Malaysia dijamin keselamatannya	.371	.358			.537	
Saya berpendapat harga-harga di kawasan pelancongan setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan	.350			.349	.444	.322
Saya suka melancong di dalam negara berbanding di luar negara			.317		.440	.393
Promosi yg dijalankan telah menarik minat saya untuk melancong di Malaysia						.720
Malaysia mempunyai banyak kawasan tinggalan sejarah yang menarik		.317	.350			.557
Terdapat banyak iklan pelancongan yang menarik	.335	.451				.491

BIODATA PENULIS

Nama : Noor Farahana Bt. Md. Amin
Alamat Tetap : 129, Jalan Simbang 5, Taman Perling, 81200 Johor Bahru, Johor
Nombor Telefon : 017-7225657
Email : ameba_paramesium@yahoo.com
Tarikh Lahir : 1 Mac 1987
Tempat Lahir : Johor Bahru, Johor
Kewarganegaraan : Malaysia
Bangsa : Melayu
Jantina : Perempuan
Agama : Islam
Pendidikan : Universiti Malaysia Terengganu
• Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)
Kolej Matrikulasi Melaka
• Program Sains Fizikal
Sek. Men. Keb. Seri Perling, Johor Bahru, Johor
• Sijil Pelajaran Malaysia (2004)
• Penilaian Menengah Rendah (2002)
Sek. Keb. Taman Perling, Johor Bahru, Johor
• Ujian Penilaian Sekolah Rendah (1999)
Anugerah : Anugerah Dekan Semester Julai 2006/2007
Anugerah Dekan Semester Julai 2008/2009

MENGENALPASTI FAKTOR-FAKTOR DALAM PEMILIHAN DESTINASI PELANCONGAN DENGAN
PENDEKATAN ANALISIS FAKTOR: KAJIAN KES UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU - NOOR
FARHANA BT. MD. AMIN